



KEMENTERIAN KEWANGAN

NOTA KEPADA PENGARANG

TARIKH : 17 OGOS 2026 (ISNIN)
TAJUK : MAJLIS PELUNCURAN DAN KARNIVAL SEMARAK MERDEKA MADANI
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN

Tuan Pengarang yang dihormati,

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPh) akan menganjurkan **Majlis Peluncuran dan Karnival Semarak Merdeka MADANI** yang akan dirasmikan oleh **YBhg. Dato' Sr Abdul Razak Bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta**.

3. Sukacitanya pihak kami amat berbesar hati menjemput tuan atau wakil tuan untuk menghadiri dan membuat liputan media di majlis ini yang akan diadakan pada tarikh, masa, dan tempat seperti berikut:-

Tarikh : 23 Ogos 2026 (Ahad)
Masa : 08.00 pagi (Karnival Sukan Semarak Merdeka MADANI)
: 11.00 pagi (Majlis Peluncuran Semarak Merdeka MADANI)
Perasmi : YBhg Dato' Sr Abdul Razak Bin Yusak
Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Tempat : Kampung Sanggang, Temerloh, Pahang

4. Majlis ini diadakan bersempena dengan kemuncak pelaksanaan Program Kampung Angkat Madani (KAM) di Kampung Sanggang, Temerloh, Pahang yang telah pun bermula pada awal April 2026 melibatkan projek fizikal, program ziarah kasih dan program sukan bersama masyarakat setempat. Pada masa sama, program ini juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara penduduk kampung dengan pegawai-pegawai kerajaan melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

5. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPh) amat menghargai pengesahan kehadiran wakil media melalui pautan [PENGESAHAN KEHADIRAN](#) atau **imbis Kod QR selewat-lewatnya pada 20 Ogos 2026 (Khamis), jam 2.00 petang** untuk tujuan penyelarasan. Sila bawa Kad Perakuan Media dan dimohon tiba sebelum majlis berlangsung bagi urusan pendaftaran.

6. Bersama-sama ini disertakan aturcara majlis berkenaan untuk makluman dan rujukan tuan selanjutnya.

Kerjasama tuan dalam menghadiri majlis ini adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh

Urus Setia

Majlis Peluncuran dan Karnival Semarak Merdeka MADANI
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Sebarang maklumat lanjut, hubungi: **En. Muhammad Hasbullah Hanif Bin Tajuddin**
03-8886 9189 / 011-29263163

ATURCARA

MAJLIS PELUNCURAN DAN KARNIVAL SEMARAK MERDEKA MADANI 2026
SEMPENA PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI
JABATAN PENILAIAN DAN PRIKHIDMATAN HARTA
KAMPUNG SANGGANG, TEMERLOH, PAHANG

FUNRUN DAN SUKAN RAKYAT DI PADANG SK SANGGANG		
7.45 pagi	Ketibaan Jemputan	Lokasi: Padang Sekolah Kebangsaan Sanggang, Temerloh
8.00 pagi	Ketibaan YBhg. Dato’ Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta - Nyanyian Lagu Negaraku - Nyanyian Lagu Negeri Pahang - Bacaan Doa	
8.10 pagi	Senamrobik dan Pelepasan peserta FUNRUN MERDEKA MADANI – 3.5km	
9.00 pagi	SUKAN RAKYAT MERDEKA MADANI - Tarik Tali - Menjala - Bowling Kelapa - Baling Kasih - Shoot Bola itu (Netball) - Isi air dalam botol - Tuju Tin Dengan Selipar - Motosikal Lambat - Tiup belon - Acara Misteri	
10.30 pagi	Penyampaian <i>Medal Finisher</i> dan Hadiah	
MAJLIS PELUNCURAN SEMARAK MERDEKA MADANI		
11.00 pagi	Ketibaan tetamu jemputan	Lokasi: Kampung Sanggang, Temerloh
11.15 pagi	Ketibaan YBhg. Dato’ Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta - Nyanyian Lagu Negaraku - Nyanyian Lagu Negeri Pahang - Bacaan Doa - Persembahan Pembukaan - Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato’ Sr Abdul Razak bin Yusak Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta - Gimik Perasmian - Tayangan Montaj - Sesi Bergambar - Penyampaian Hadiah & Cabutan Rezeki	
12.30 t/hari	Jamuan makan dan Persembahan	
2.00 petang	Gotong-royong pembersihan tapak kawasan majlis	

Sila imbas Kod QR di bawah untuk mengisi kehadiran:

